

13/12/1997

DCA bersedia dinaikkan taraf

KUALA LUMPUR, Jumaat - Jabatan Penerbangan Awam (DCA) membuat persediaan struktural untuk dinaiktarafkan sebagai Lembaga Penerbangan Awam (CAA) yang berfungsi mewujudkan peraturan trafik udara serta perkhidmatan aeroangkasa.

Ketua Pengarahnya, Datuk Zaini Omar, berkata DCA kini menunggu prosedur perundangan dilaksana dan diluluskan Parlimen bagi menaikkan taraf jabatan kepada lembaga.

"Kami sudah bersedia terutama dari segi struktural untuk beroperasi sebagai sebuah lembaga dan menunggu cadangan itu diluluskan secara perundangan," katanya ketika dihubungi, di sini.

Menurutnya, DCA menyokong cadangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menaiktarafkan jabatan itu kepada lembaga kerana ia bakal melicinkan operasinya dalam bidang penerbangan negara.

Katanya, CAA membolehkan setiap keputusan dibuat segera tanpa perlu merujuk ke peringkat yang lebih tinggi berbanding sekarang yang memerlukan kelulusan pihak lain yang berkaitan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam untuk merekrut kakitangan baru.

(END)